



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 19/2019 dari 5 Mei hingga 11 Mei 2019)

Pada minggu ke-19 iaitu bagi tempoh 5 Mei hingga 11 Mei 2019, sejumlah 1,858 kes Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 10.3% berbanding 1,684 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kumulatif kes Denggi bagi tahun 2019 adalah sebanyak 46,607 kes berbanding 21,257 kes bagi tempoh sama tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 119.3% (25,350 kes) manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 74 kematian berbanding 39 kematian bagi tempoh sama tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 35 kematian (89.7%).


Sejumlah 622 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-19. Manakala sebanyak 87 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 77 di Selangor, enam (6) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) di Sabah, satu (1) di Pulau Pinang dan satu (1) di Negeri Sembilan telah dilaporkan.

Sebanyak dua (2) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-19 menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula Januari hingga 11 Mei 2019 adalah sebanyak 254 kes iaitu 164 kes di Daerah Kuala Langat, 31 kes di Daerah Kota Bharu, 12 kes di Kulim, 10 kes di Daerah Jasin, 10 kes di Daerah Sepang, lima (5) kes di Daerah Tumpat, empat (4) kes di Daerah Kangar, tiga (3) kes di Daerah Petaling, dua (2) kes di Daerah Manjung, dua (2) kes di Daerah Serian serta masing-masing satu (1) kes di Daerah Klang,

Seremban, Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang, Tanah Merah, Kuching, Ranau, Labuan, Timur Laut dan Bachok.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati sebanyak 1,022 sampel darah dan 22 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif bagi ujian Zika.

Jangkitan Demam Denggi boleh dicegah dengan individu mengelakkan diri dari gigitan nyamuk dan memastikan kawasan persekitaran bersih. Individu digalakkan menggunakan repelan atau memakai pakaian menutup anggota terutama semasa melakukan aktiviti di luar rumah, contohnya sewaktu mengunjungi Bazar Ramadhan, ke masjid atau pergi ke tempat awam untuk membeli belah. Masyarakat digalakkan melakukan pembersihan di dalam dan luar rumah serta menghapuskan tempat pembiakan Aedes disamping mengambil peluang mengindahkan persekitaran rumah masing-masing sempena Hari Raya Aidilfitri yang hampir tiba. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

21 Mei 2019

DATUK DR. HJ. ROHAIZAT BIN HJ. YON
(MMC: 26029)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2019
(5 Mei hingga 11 Mei 2019)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes denggi sehingga minggu 19/2019		Kumulatif kes denggi sehingga minggu 19/2018	
		Minggu Epid 19 (5 Mei – 11 Mei 2019)		Minggu Epid 18 (28 April – 4 Mei 2019)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	6	0	1	0	167	0	85	0
2	Kedah	26	0	27	0	757	2	523	2
3	P. Pinang	66	0	64	0	2,507	8	1,380	1
4	Perak	46	0	36	0	1,260	2	1,154	2
5	Selangor	1,038	3	1,039	4	27,172	27	11,778	11
6	WP KL & Putrajaya	280	0	183	0	4,540	1	1,541	2
7	N. Sembilan	42	0	37	0	934	4	422	0
8	Melaka	37	0	44	0	770	4	171	0
9	Johor	130	0	116	0	3,641	10	1,982	5
10	Pahang	35	0	19	0	475	4	319	2
11	Terengganu	6	0	12	0	299	0	65	0
12	Kelantan	45	0	24	0	1,391	2	318	1
13	Sarawak	24	0	16	0	580	0	177	1
14	Sabah	74	0	64	0	2,092	10	1,323	12
15	WP Labuan	3	0	2	0	22	0	19	0
	MALAYSIA	1,858	3	1,684	71	46,607	74	21,257	39

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 19/2019
(5 Mei hingga 11 Mei 2019)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	116	211
2	SELANGOR	Petaling	Bu Pju 6 Flat Pelangi Damansara (A, B, C)	50	160
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	93	158
4	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Apt Medan Cahaya (Blok A-H)	69	145
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	81	140
6	SELANGOR	Petaling	Usj 2/4	77	137
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	54	135
8	SELANGOR	Petaling	Sek 26 (Tmn Bukit Saga A : Jln 26/24a-34)	80	135
9	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	47	125
10	SELANGOR	Petaling	Usj 2/2	41	118
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	27	103
12	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 (Teres E : Jln Pjs 10/24, 10/24a, 10/26, 10/28, 10/30, 10/34)	27	102
13	SELANGOR	Klang	Sek 31 (P/puri Sri Kemuning)	44	98
14	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	57	97
15	SELANGOR	Petaling	Sek 15 (Dataran Otomobil : Blok 1-18)	144	96
16	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Melati Sek 3 Bdr Sri Putra	30	89
17	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok H - K)	41	87
18	SELANGOR	Klang	Telok Gong (Kg Nelayan)	23	86
19	SELANGOR	Petaling	Sek 33 (Taman Alamindah : Jln 33/9-33/18 & Rumah Pangsa)	32	85
20	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Teres)	41	85
21	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Sek 4 Gugusan Semarak	30	85
22	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	50	83
23	SELANGOR	H/Langat	Jalan Maju 3 Taman Lembah Maju	13	81
24	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	11	80
25	SELANGOR	Petaling	Sek U16 (P/puri Kiambang : Blok 21-27)	25	79

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
26	SELANGOR	Klang	Tmn Tlk Gedung Indah Jln Samagagah	23	79
27	SELANGOR	Klang	Tmn Tlk Gedung Indah Jln Sg Samagagah	17	76
28	WPKL	Putrajaya	Presint 18 - Parcel R8	30	75
29	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	46	75
30	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Prima Cempaka	26	73
31	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 3 Bdr Baru Btg Kali	28	72
32	SELANGOR	H/Selangor	Apt Kenanga Tbr Bb	51	72
33	SELANGOR	Petaling	Sek U20 (Fasa 1a Bbsb : Jln 1a/1-1a/9)	15	67
34	SELANGOR	Petaling	Sek U19 (Rkat Kem Paya Jaras)	49	67
35	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 8 Gugusan Kesumbar	23	66
36	SELANGOR	Petaling	Sek U8 (P/puri Delima : Blok 32-36)	13	66
37	SELANGOR	Gombak	Appt Saujana Ria	19	66
38	SELANGOR	H/Langat	Flat A7-12 Pandan Mewah	13	62
39	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 3 Teres E	11	60
40	SELANGOR	Petaling	Bi Pju 10 Indah Kondo	9	60
41	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Anggerik Sek 7 BB Bangi	14	59
42	SELANGOR	Klang	Off Jln Yadi (Jln Telok Gadong Kecil Lot 529)	10	59
43	SABAH	Lahad Datu	Taman Aman 3	16	58
44	SELANGOR	H/Langat	Appt Mesra Villa Kpg Ampang Campuran	10	54
45	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Apt Ixora)	57	53
46	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	10	53
47	SELANGOR	Petaling	Sek U19 (Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai 1 & 2)	18	52
48	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	51	52
49	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 1 : Blok 1, 2, 3	19	52
50	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Apt Medan Jaya (Blok I)	8	51
51	SELANGOR	Petaling	Ss 15/2, 3 (Teres) & Asrama Smk Agama	15	50
52	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Apt Sri Manja (Blok D - F : Jln Pjs 3/55)	10	49
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U6 (Taman Subang Baru)	10	49

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
54	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 7 (Rmh Kedai)	6	46
55	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 1 Teres A	21	46
56	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Suria Mas Kondo	15	45
57	SELANGOR	K/Langat	Taman Rambai Indah	10	45
58	SELANGOR	Klang	Taman Desawan 01	20	45
59	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C-F)	8	44
60	SELANGOR	Petaling	Sek U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140-162)	15	44
61	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	15	43
62	WPKL	L/Pantai	Casa Green Bukit Jalil	23	42
63	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bdr Sg Long	9	42
64	SELANGOR	Petaling	Seksyen 2	15	42
65	SELANGOR	Klang	Bandar Putera Sri Ayu Apartment	16	42
66	SELANGOR	H/Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	7	41
67	P PINANG	SP Tengah	Tpj, Flat Telok Indah E2	12	41
68	SELANGOR	H/Selangor	Apt. Dahlia, Jln Melor, Bb	20	40
69	SELANGOR	Klang	Kuarters Inst Pendidikan Kg Jawa	27	40
70	WPKL	Cheras	Apartment Desa Tun Razak	16	39
71	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Sek 8 Gugusan Kemuning	10	39
72	SELANGOR	H/Langat	Flat Taman Asa Jaya	8	38
73	SELANGOR	H/Langat	Blok Polis Taman Desa Baiduri	10	38
74	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5)	12	38
75	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	10	37
76	SABAH	Sandakan	Kg. Berhala Darat	9	37
77	WPKL	L/Pantai	Tmn Sri Petaling C1-Jln 1/149d,Jln 1/149j	17	36
78	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/1 - 5/8)	9	36
79	SELANGOR	H/Langat	Jln Wawasan 2/1-2/8,2/10&2/12 B Baru Ampang	11	35
80	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 1 : Blok A, B, C	18	34
81	N SEMBILAN	Seremban	Garden City Homes	12	34

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
82	WPKL	Kepong	Ppr Intan Baiduri (Blok A,B,C)	6	33
83	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat C : Blok 21 - 32)	11	33
84	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 4 (Mutiara Residence & Dataran Mutiara)	6	31
85	WPKL	L/Pantai	Ppr Pinggiran 1 (Blok A,B,C,D,E,F)	8	31
86	SELANGOR	Sepang	Apt Megah Villa	17	31
87	SELANGOR	H/Langat	Jalan 4 Taman Ampang Jaya	4	31

